



MAJLIS MALAM GALA RISDA

TALKING POINTS

**YG. BHG DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA
19 DISEMBER 2008
8.00 MALAM

Yang Berusaha Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta Yg Bhg. Datin
Leeza bt Laili

Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) merangkap
Pengerusi J/Kuasa Induk Malam Gala RISDA 2008 serta Yg. Bhg
Pn. Hjh. Rafiah bt Ismail

Pengarah-Pengarah Bahagian serta pasangan

Pengurus-Pengurus Anak Syarikat serta pasangan

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri serta pasangan

Serta semua warga RISDA bersama suami atau isteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam satu Majlis yang julung kali diadakan di

3

RISDA iaitu Majlis Jamuan Tahunan yang dinamakan '**Malam Gala RISDA**'. Setelah bekerja sepanjang tahun, eloklah kita meluangkan masa sedikit untuk merehatkan minda kita dan sama-sama kita bergembira dan memeriahkan Malam Gala RISDA pada malam ini.

Tahun 2008 bakal menutup tirainya tidak lama lagi dan Alhamdulillah, banyak kejayaan telah dikecapi oleh RISDA pada tahun ini. Syabas dan tahniah kepada semua warga RISDA dan saya berharap agar legasi kecemerlangan ini akan

4

diteruskan pada tahun-tahun akan datang serta sentiasa di suntik dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

2.0 TUJUAN JAMUAN TAHUNAN

Saya telah meminta supaya Majlis ini diadakan sebagai satu manifestasi penghargaan Pengurusan RISDA terhadap perkhidmatan, komitmen dan dedikasi Tuan-Tuan dan Puan-Puan kepada organisasi RISDA. Juga setinggi-tinggi penghargaan kepada para isteri dan suami warga RISDA yang telah sekian lama memberi dorongan dan sokongan padu kepada pasangan masing-masing dalam melaksanakan tugas di RISDA. Kata bestari, di sebalik kejayaan seorang lelaki itu

5

ada seorang wanita dan begitulah juga disebalik kejayaan seorang wanita ada seorang lelaki.

Pertemuan pada malam ini juga boleh dijadikan sebagai wadah dalam merapatkan jalinan silaturrahim antara sesama warga kerja RISDA dan juga antara keluarga kita dan menjalin kemesraan sebagai satu keluarga besar RISDA.

3.0 TEMA MALAM GALA RISDA

Tema Malam ini yang telah di pilih oleh Tn. Hj. Wan Zuki dan crewnya adalah merah hitam. Malam yang diwarnai dengan kolaborasi merah hitam ini akan menjadi nostalgia yang sukar

6

untuk dilupakan. Mengikut para pakar warna, merah melambangkan keberanian, keyakinan dan bersemangat manakala hitam melambangkan prestij, sophistication, seriousness dan efficiency. Oleh itu pemilihan merah hitam ini menggambarkan warga RISDA yang berani, yakin, bersemangat dan pada masa yang sama serius dan efisien dalam perkhidmatan dan menuju ke arah satu organisasi yang berprestij dan sophisticated di arena global. Warga RISDA memang hebat dalam semua aspek, syabas dan tahniah kepada semua!

7

4.0 PERSEMBAHAN

Saya difahamkan bahawa malam ini ada banyak persembahan yang menarik yang hendak dipertontonkan kepada kita semua. Ada persembahan daripada Bahagian, Anak Syarikat dan juga Negeri. Mungkin juga terdapat pelbagai aksi yang tidak pernah kita lihat dilakukan oleh sesetengah pegawai atau staf yang bakal beraksi di pentas. Walau apa pun persembahan mereka, kita harus memberi pujian kepada mereka semua atas sikap 'sporting' yang ditunjukkan nanti.

8

Kita juga akan berpeluang untuk melihat persembahan kombo kita sendiri, Briged Seni kita sendiri dan juga bintang-bintang yang telah bersinar di RISDA. We should be proud of our own team.

5.0 PENUTUP

Sebelum saya mengakhiri ucapan ringkas ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Pengerusi Jawatan kuasa Malam Gala RISDA 2008, Tn Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad serta barisan Ahli Jawatankuasanya yang telah bertungkus lumus bagi

9

memastikan kejayaan dan kesempurnaan malam yang cukup bermakna ini. Teruskan usaha murni ini ke arah merapatkan ukhwah dan silaturrahim sesama kita.

Manis Ayu bersalut sutera

Sutera penuh taburan perada

Malam ini memintal mesra

Tanda sepakat warga RISDA

Hati siapa tidak teruja

Kala bertemu sahabat lama

Lupakan sejenak urusan kerja

Bergembiralah bersama-sama

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**